

# TAKLIMAT PRODUK PENDIDIKAN DAN GAJI TAHUN 2018 DI PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2995-taklimat-produk-pendidikan-dan-gaji-tahun-2018-di-pangkalan-udara-gong-kedak](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2995-taklimat-produk-pendidikan-dan-gaji-tahun-2018-di-pangkalan-udara-gong-kedak)

GONG KEDAK, 31 Jan 18 – Pejabat Pendidikan dan Pejabat Gaji Pangkalan Udara Gong Kedak telah melaksanakan Taklimat Produk Pendidikan ATM dan Gaji kepada anggota pangkalan yang telah diadakan di Dewan Serbaguna Pangkalan Udara Gong Kedak.

Taklimat Produk Pendidikan ATM telah disampaikan oleh Pegawai Pendidikan Pangkalan, Mej Nariza binti Abdullah manakala taklimat berkaitan Gaji disampaikan oleh Pegawai Gaji Pangkalan, Kapt Natasya A'ini binti Osman. Taklimat Produk Pendidikan ATM bertujuan menyediakan peluang dan kemudahan pendidikan secukupnya bagi warga ATM dan membangunkan organisasi serta sumber manusia dalaman selaras dengan keperluan Pendidikan ATM manakala Taklimat Gaji bertujuan untuk memberi penerangan berkaitan kemudahan dalam pengurusan tuntutan dan gaji. Turut hadir dalam Taklimat tersebut ialah Pegawai Memerintah No 11 Skuadron, YBhg Kol Rozainy bin Ahmad Rapiee@Ahmad Rofie TUDM, Pegawai-pegawai Eksekutif, Pegawai-pegawai dan anggota LLP pangkalan Udara Gong Kedak.

